# e-SPeDIP2021

e-SEMINAR PENYELIDIKAN DAN INOVASI DALAM PENDIDIKAN 2021

# PERINGKAT KEBANGSAAN



# KIT RuPaSi


**NURUL IZZATI ADLINA ABDULLAH**

***SMK. KUDAT II, KUDAT, SABAH***





## PENGENALAN

Kit RuPaSi merupakan pakej lengkap untuk memudahkan guru mengajarkan Rumusan kepada murid dan memudahkan murid menguasai penulisan Rumusan yang terdapat dalam soalan Satu, Kertas Dua Bahasa Melayu Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). RuPaSi merupakan akronim daripada frasa Rumusan Pasang Siap. Inovasi ini merupakan teknik mudah yang boleh membantu murid memperoleh markah cemerlang iaitu antara 26 hingga 30 markah dalam soalan Rumusan

## OBJEKTIF UMUM

**MURID**

Memudahkan murid menulis Rumusan dan memperoleh markah cemerlang dalam soalan Rumusan.

**GURU**

Memudahkan guru memahami dan menggunakan Teknik RuPaSi bagi membantu murid memperoleh markah cemerlang dalam soalan Rumusan

## OBJEKTIF KHUSUS

01 Membantu murid membina pendahuluan rumusan yang menepati kriteria penskoran dan memperoleh dua markah.

02 Membantu murid menyenaraikan isi isi tersurat yang terdapat dalam petikan dengan tepat berdasarkan kehendak soalan dan memperoleh 12 markah.

03 Membantu murid menyenaraikan isi isi tersiratmengikut kata tugas soalan dengan betul dan memperoleh empat markah.

04 Membantu murid menulis kesimpulan yang betul dan menepati kriteria penskoran dan memperoleh dua markah.

05 Membantu murid meningkatkan kemahiran menulis rumusan.

06 Membantu murid meningkatkan markah soalan rumusan.

07 Membantu murid meningkatkan markah Bahasa Melayu.

## METODOLOGI KAJIAN

- Kajian dijalankan secara kuantitatif melalui analisis peperiksaan yang diduduki murid sebanyak tiga kali peperiksaan.
- Temu bual dalam kalangan murid sebagai responden juga dilakukan untuk mendapatkan maklum balas murid terhadap penggunaan kit ini.
- Temu bual kepada guru-guru dilakukan untuk tujuan yang sama. Temu bual dilakukan kepada guru-guru Bahasa Melayu di lima buah di seluruh negeri Sabah yang menyertai Siri Jelajah RuPaSi.

## KANDUNGAN KIT RuPaSi

**BUKU**

1. Buku Teknik RuPaSi: Inovasi Teknik Menjawab Soalan Rumusan BM SPM.
2. Buku Modul Latihan Teknik RuPaSi
3. Buku Rujukan Pantas

**RANGKA RuPaSi**

Rangka RuPaSi merupakan cetakan menggunakan bahan trapaulin yang boleh digunakan guru untuk mengajarkan Teknik RuPaSi ini.

**DESKTOP RuPaSi**

Mengandungi 7 langkah Teknik RuPaSi yang murid boleh letakkan di atas meja murid dan boleh diakses setiap hari sebagai pengukuhan.

**CAKERA PADAT**

Mengandungi Rangka RuPaSi dan RPH untuk memudahkan guru mencetak Rangka RuPaSi dan mengubahsuai RPH mengikut kesesuaian dan tahap penguasaan murid.

**RPH**

Mengandungi RPH untuk kegunaan guru dan mengubahsuainya mengikut tahap penguasaan murid yang diajar.

## *IMPAK PENGGUNAAN KIT RuPaSi*







## *KEBERKESANAN INOVASI*







## *KESIMPULAN*

*Kit RuPaSi ini bukan sahaja memudahkan guru dan murid tetapi dari segi impak jangka panjang ia mendukung hala tuju pendidikan Bahasa Melayu 2016-2025 yang mensasarkan 90 % murid mencapai kepujian dalam mata pelajaran ini menjelang tahun 2025.*







## PENERBITAN DAN PENCAPAIAN INOVASI

- Dibentangkan hingga ke peringkat antarabangsa.
- Pengkaji telah menerima Anugerah Guru Inovatif dengan hasil kajian ini.
- Diterbitkan dalam jurnal NEC 2019
- Disebarluaskan ke sekolah-sekolah di Negeri Sabah melalui Siri Jelajah RuPaSi.
- Inovasi ini telah didaftarkan sebagai harta intelek dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO)


Penghargaan

Penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri Sabah, Pejabat Pendidikan Daerah Kudat, Pentadbir dan Guru-Guru serta murid-murid SMK. Kudat II, SMK. Sungai Damit, SMK. Narinang, SMK. Bongkol, SMK. Gunsanad & SMK. Keningau II kerana telah memberi sokongan dan mengiktiraf kajian dan menggunakan Kit RuPaSi ini..



Hubungi

E-mel: niazetty@gmail.com